## Kadar inflasi meningkat 1.8 peratus bulan lalu

Inflasi Malaysia pada Februari 2024 meningkat 1.8 peratus didorong oleh peningkatan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (2.7 peratus); rekreasi, sukan & kebudayaan (1.6 peratus) dan pengangkutan (1.2 peratus).

Sementara itu, kumpulan utama lain merekodkan peningkatan lebih perlahan termasuk restoran dan perkhidmatan penginapan (2.9 peratus), kesihatan (2.2 peratus), makanan dan minuman (1.9 peratus) dan pendidikan (1.5 peratus)

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kenaikan 2.7 peratus bagi perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain disumbangkan oleh subkumpulan utama bekalan air dan pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman pada 29.7 peratus.

Katanya, ini berikutan pelaksanaan pelarasan tarif air mengikut Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) bagi kategori pengguna domestik di Semenanjung dan Labuan yang berkuat kuasa pada 1 Februari 2024.

"Manakala, peningkatan inflasi pengangkutan disumbangkan oleh subkumpulan utama pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang meningkat 1.3 peratus dan perkhidmatan pengangkutan awam (1.7 peratus)" katanya dalam kenyataan Indeks Harga Pengguna (IHP) Februari 2024 diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) semalam.

Kumpulan makanan dan minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP mencatatkan peningkatan lebih rendah iaitu 1.9 peratus pada Februari 2024.

Subkumpulan utama makanan di rumah meningkat 0.5 peratus pada Februari, manakala subkumpulan utama makanan di luar rumah meningkat kepada 3.5 peratus berbanding 3.1 peratus yang direkodkan pada Januari 2024.

Peningkatan inflasi kelas perbelanjaan bijirin dan produk bijirin kepada 2.5 peratus pada Februari disumbangkan oleh beras wangi import dan beras basmati yang masing-masing meningkat sebanyak 6.3 peratus dan 1.0 peratus.

Manakala, tepung gandum menurun kepada -4.3 peratus.
Inflasi kelas perbelanjaan susu.

Inflasi kelas perbelanjaan susu, produk tenusu lain & telur pula mencatatkan peningkatan sebanyak 2.3 peratus pada Februari.

Kenaikan yang lebih rendah dicatatkan oleh item perbelanjaan susu tepung sebanyak -0.8 peratus.

Sementara itu, inflasi bagi kelas perbelanjaan minyak & lemak kekal pada kadar yang sama seperti Januari 2024 iaitu -0.2 peratus.

Inflasi bagi kelas perbelanjaan daging meningkat perlahan kepada 0.5 peratus pada Februari. Bagi perbandingan bulanan, kelas perbelanjaan ini mencatatkan penurunan -0.3 peratus.

Daging ayam segar yang menjadi komponen terbesar merangkumi 32.6 peratus dalam kelas perbelanjaan daging mencatatkan penurunan kepada -0.7 peratus berbanding 0.8 peratus pada Januari.